

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 5 / 10 / 2007

Dr. Mahathir sudah boleh makan masakan rumah

UM - 5 / 10 / 2007

KUALA LUMPUR 4 Okt. - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad yang masih dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) Institut Jantung Negara (IJN) semakin sihat, malahan boleh menikmati masakan dari rumah, setelah menjalani pembedahan pintasan koronari awal September lalu.

IJN dalam satu kenyataan hari ini berkata, Dr. Mahathir, 81, kini meluangkan lebih banyak masa dengan duduk berikutan semakin sihat dan bertenaga.

"Beliau kini boleh makan masakan dari rumah kerana adalah amat penting bagi Dr. Mahathir untuk mengambil makanan berkhasiat bagi memberikan tenaga.

"Para doktor di IJN gembira dengan perkembangan kesihatan beliau yang semakin pulih dan beliau akan terus ditempatkan di ICU," kata kenyataan itu.

Dr. Mahathir menjalani pembedahan membersihkan luka pada 22 September selepas menjalani pembedahan pintasan jantung pada 4 September.